

# RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# MENGAPA BULI MASIH BERLAKU?

**Noor Azillah Mohamad Ali,  
Shahrul Amri Ab Wahab & Sutina Junos**

Buli merupakan isu sosial yang berlarutan berlaku sejak sekian lama, bukan sahaja di sekolah malah juga di tempat kerja dan ruang maya. Walaupun pelbagai kempen kesedaran, undang-undang serta peraturan telah diperkenalkan untuk membendung gejala ini, realitinya kes buli masih terus berlaku. Persoalan yang timbul ialah mengapa kes buli masih wujud dan apakah sebenarnya yang diinginkan oleh pembuli ini? Penulisan ini akan meneliti antara faktor yang menjadi penyumbang kepada kenapa berlakunya perbuatan buli serta apakah motif disebalik tingkah laku pembuli.

## **Faktor psikologi dan emosi**

Salah satu sebab utama buli berlaku adalah kerana faktor psikologi. Di mana ramai pembuli mempunyai masalah isu keyakinan diri yang rendah atau mempunyai perasaan yang tidak selamat. Mereka akan menggunakan perbuatan buli sebagai cara mereka untuk menutup kelemahan diri mereka. Pembuli merasakan diri mereka berkuasa berbanding orang lain. Pembuli akan menggunakan cara ini bagi melindungi diri mereka dari merasa diri mereka tidak sempurna atau tiada nilai dalam diri. Ini sebab mengapa perbuatan buli itu dilakukan bagi menutup rasa lemah didepan orang lain.

## **Rasa berkuasa dan dominasi**

Pembuli merasakan dengan membuli pihak lain, mereka akan berkuasa untuk berbuat apa-apa sahaja. Apabila pembuli berjaya menakutkan mangsa, pembuli akan merasakan dia kuat dan mangsa akan bergantung kepada diri pembuli untuk apa jua keadaan. Sebenarnya, tahap kawalan pembuli kepada mangsa

akan berkurang rasa hormat tetapi mangsa hanya ada rasa takut sahaja. Dominasi pembuli kepada mangsa menyeluruh jika mangsa rasa hormat tetapi perasaan hormat akan hilang dan yang tinggal hanyalah perasaan takut. Situasi ini membuat pembuli tidak dapat mendominasi mangsa yang terlibat.

### **Pengaruh persekitaran dan sosial**

Pengaruh persekitaran amatlah penting dalam mempengaruhi situasi buli. Budaya sekolah ataupun tempat kerja yang mana membiarkan situasi buli itu berlaku tanpa tindakan tegas yang diambil menggalakkan fenomena ini berterusan dalam jangka lama. Ada ketikanya seseorang individu itu membuli kerana ingin diterima dalam kumpulan rakan sebaya dan dalam masa sama itu nampak popular di kalangan kumpulan tersebut. Faktor sosial pula membawa kepada buli itu adalah perkara normal dan tiada salahnya dalam sesetengah komuniti.

### **Tiada empati dan sokongan moral**

Kekurangan empati bermaksud tiada keupayaan untuk memahami perasaan orang lain, yang mana ini adalah salah satu sebab kenapa buli itu berlaku. Pembuli tidak memahami orang lain dan tidak peduli tentang kesakitan mangsa. Pendidikan moral dan nilai yang lemah dalam diri membawa kepada sikap tidak peduli apakah kesan negatif yang mungkin perlu dihadapi oleh mangsa buli.



Itu adalah antara kemungkinan faktor-faktor yang menjadi alasan yang kenapa seseorang itu suka untuk melakukan perbuatan buli. Tetapi yang menjadi persoalan kini, apakah yang pembuli inginkan kepada mangsa buli? Secara asasnya pembuli biasanya inginkan beberapa perkara contohnya pembuli inginkan pengiktirafan dan perhatian. Pembuli mahu dilihat dan mendapat reaksi daripada orang lain. Dalam masa yang sama pembuli merasakan dia adalah individu yang berkuasa terhadap orang lain. Ada

ketikanya seorang pembuli itu menjadi pembuli demi untuk perlindungan diri di mana dengan menyerang orang lain maka dapat menyelamatkan dirinya dari dibuli oleh pihak lain. Tetapi jika dilihat secara menyeluruh, seseorang itu menjadi pembuli bagi memenuhi kepuasan dalam diri dan ada ketikanya apabila rasa dirinya serba kekurangan dapat ditutup dengan perbuatan yang keji lagi negatif.

Perbuatan buli itu memberikan satu kesan trauma pada mangsa buli dalam satu jangka masa yang panjang. Jika mana seseorang dibuli pada waktu sekolah, trauma itu akan diingat sehingga mangsa meningkat usia dewasa. Buli fizikal akan tinggal kesan di badan tetapi jika perbuatan buli secara emosi, ia akan memberi implikasi besar kepada mangsa. Trauma psikologi, kemurungan, rasa rendah diri dan prestasi akademik mahupun kerjaya akan terjejas. Kesannya sebenarnya bukan pada mangsa tapi ia juga memberikan kesan negatif kepada masyarakat dengan menanam benih kebencian, dendam dan rasa tidak selamat dalam komuniti.

Secara kesimpulannya, pelbagai usaha telah dijalankan untuk membanteras gejala buli, hakikatnya ia masih berlaku kerana berpunca daripada faktor psikologi, sosial dan kekurangan empati. Apa yang pembuli inginkan hanyalah perhatian, kuasa dan pengiktirafan tetapi ianya dilakukan melalui cara yang salah. Masyarakat kini perlu terus memperkukuhkan pendidikan nilai, meningkatkan empati dan menyediakan satu persekitaran yang selamat agar budaya buli dapat dihapuskan secara berkesan.